

**NO. SOALAN: 59**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG [ ALOR GAJAH ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2015**

**RUJUKAN : 7708**

**SOALAN:**

**Datuk Koh Nai Kwong [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dasar yang dilaksanakan untuk mengimbangkan mengenai isu kebebasan hak asasi manusia dengan cadangan pengekalan Akta Hasutan di Malaysia.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan tidak pernah menyekat kebebasan rakyat untuk bersuara di dalam erti kata bagi memenuhi keperluan hak asasi manusia mereka. Walau bagaimanapun, kebebasan bersuara yang diberikan itu mestilah mempunyai batasan agar tidak menyinggung perasaan kaum dan sensitiviti agama lain selaras dengan Perkara 10(2) Perlembagaan Persekutuan di mana Parlimen boleh melalui undang-undang untuk mengenakan apa-apa sekatan yang perlu demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya.**

**Ini kerana negara kita adalah terdiri daripada masyarakat berbilang kaum, agama dan adat resam yang berbeza. Namun terdapat segelintir individu atau kumpulan tertentu yang tidak bertanggungjawab telah mengambil kesempatan dan menyalahgunakan kebebasan yang telah diberi oleh Kerajaan terutamanya dengan meniup api sentimen hasutan yang boleh memecah-belahkan perpaduan masyarakat.**

**Menyedari hakikat ini maka Kerajaan telah menyatakan pendirian untuk mengekalkan Akta Hasutan 1948 dengan membuat beberapa penambahbaikan terhadap Akta sedia ada.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian tidak melihat sebarang isu yang melibatkan hak asasi manusia kerana Akta Hasutan 1948 ini adalah merupakan sebuah undang-undang biasa yang berbentuk '*punitif*'. Ini bermakna pendakwaan adalah dibuat di hadapan Hakim di Mahkamah terbuka. Ini secara tidak langsung membenarkan orang yang didakwa melantik peguam pilihannya untuk membela diri. Maka tiada isu sebenarnya berkaitan dengan pengekalan Akta Hasutan 1948 di Malaysia.**